

**Pindaan undang-undang selari perkembangan demokrasi – Hishammuddin
Utusan Online
11 April, 2012**

KUALA LUMPUR 10 April - Pembentangan Rang Undang-Undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 ekoran pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960 dibuat selari dengan perkembangan demokrasi sekali gus memenuhi kehendak rakyat.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, langkah itu membuktikan janji-janji kerajaan untuk membawa perubahan politik dan ekonomi melalui program transformasi bukan sesuatu yang retorik.

"Saya lihat pembentangan kali pertama untuk akta-akta keselamatan ini adalah sebahagian daripada apa yang telah kerajaan umumkan dahulu dan ia merupakan janji yang kita kotakan sekarang.

"Tujuan pindaan ini bagi memastikan undang-undang kita selari dengan perkembangan demokrasi kerana bentuk ancaman yang dihadapi dahulu tidak lagi sama dengan sekarang," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen hari ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas mengenai rang undang-undang itu yang dibaca buat kali pertama di Dewan Rakyat hari ini oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz.

Sambil menyifatkan rang undang-undang itu sebagai transformasi bersejarah, Hishammuddin berkata, pindaan undang-undang tersebut dilakukan secara terperinci melalui perbincangan dengan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam), Majlis Peguam dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) sejak dua tahun lalu.

"Ini sebahagian daripada janji Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang mahu melihat dan mengkaji semula akta-akta yang sudah ketinggalan zaman supaya disuntik perubahan yang lebih sesuai pada hari ini.

"Atas sebab itu saya percaya mereka yang menuduh pindaan ini dibuat bermotifkan politik atau tidak melibatkan pihak-pihak berkaitan mempunyai agenda tersendiri," katanya.

Beliau berkata, antara aspek yang diberi perhatian melalui perbincangan terdahulu adalah kajian terhadap tempoh penahanan, kuasa-kuasa menteri dan kebajikan individu yang ditahan termasuk ahli keluarga mereka.

Tambah Hishammuddin, pindaan akta baru itu juga termasuk meningkatkan kapasiti penyiasatan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi memastikan tanggungjawab dan tugas mereka menjaga keselamatan tidak terjejas.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas secara terperinci mengenai kandungan pindaan undang-undang itu sehingga ia dibentangkan sekali lagi di Parlimen minggu depan.

Katanya, sejak program transformasi politik diumumkan oleh Najib, kerajaan sehingga kini telah memansuhkan tiga akta iaitu Akta ISA 1960; Akta Kediaman Terhad 1933 dan Akta Buang Negeri 1957.

Selain itu ujarnya, kerajaan juga membatalkan tiga Pengisytiharan Darurat serta menggubal dan meluluskan Akta Perhimpunan Aman 2012 serta Akta Perlesenan dan Mesin Cetak.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0411&pub=Utusan_Malaysia&sec=Parlimen&pg=pa_01.htm